

**Muhyiddin berbuka puasa bersama media, blogger  
Utusan Online  
2 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin malam ini meraikan pengamal media dan penulis blog pada majlis berbuka puasa yang diadakan di pekarangan ibu pejabat Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) di Bangsar, dekat sini.

Majlis yang julung kali diadakan di luar kediaman rasminya di Sri Satria, Putrajaya itu dihadiri lebih 1,000 pengamal media dan penulis blog termasuk ketua-ketua pengarang agensi media.

Hadir sama isteri beliau, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin; Pengerusi Media Prima Bhd., Datuk Johan Jaaffar; Pengerusi Kumpulan NSTP, Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan; Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Norhyati Ismail dan Ketua Pengarang Bernama, Datuk Yong Soo Heong.

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada 73 orang anak yatim dari Rumah Anak Yatim Kampung Jenjarum dan Rumah Anak Yatim Kampung Sri Cheding, Kuala Langat.

Muhyiddin kemudiannya mengimamkan solat maghrib sebelum menyertai jamuan berbuka puasa serta meluangkan masa melawat Bilik Berita Berita Harian dan Pusat Sumber NSTP.

Beliau turut mengerjakan solat isyak dan solat sunat tarawih berjemaah di surau NSTP.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120802/dn\\_11/Muhyiddin-berbuka-puasa-bersama-media-blogger](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120802/dn_11/Muhyiddin-berbuka-puasa-bersama-media-blogger)